

28 JUN 1999
MAHATHIR-MSCVC
MAHATHIR SAKSI PELANCARAN MSCVC

CYBERJAYA, 28 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan MSC Venture Corporation Sdn Bhd (MSCVC), syarikat modal teroka pertama melabur dalam Koridor Raya Multimedia (MSC). Beliau juga melancarkan MSC Venture One Sdn Bhd, dana pertama oleh MSCVC.

Terdahulu, beliau menyaksikan langganan saham dana pertama MSCVC, MSC Venture One Sdn Bhd (MV1) antara MSCVC dan Khazanah Nasional Bhd.

Penganjur MSC Multimedia Development Corporation Sdn Bhd akan melabur sejumlah RM100 juta dalam MV1 melalui syarikat milik penuhnya MSCVC dan Khazanah Nasional akan melabur sejumlah RM20 juta lagi.

Pengerusinya, Tan Sri Othman Yeop Abdullah menandatangani bagi pihak MSCVC, manakala Tan Sri Mohd Sheriff Mohd Kassim mewakili Khazanah Nasional.

Perdana Menteri juga menyaksikan penandatanganan perjanjian pengurusan MV1 antara MV1 dan MSCVC.

MV1 telah diwakili oleh pengarahnya Dr Muhammad Ghazie Ismail manakala MSCVC oleh ketua eksekutifnya Sarina Karim. Penandatanganan tersebut dibuat secara digital.

Bercakap pada satu sidang akhbar kemudiannya, Dr Mahathir melahirkan keyakinan bahawa Khazanah Nasional dan MDC akan mempunyai kepakaran untuk menilai gagasan dan projek-projek berkaitan teknologi maklumat yang boleh menjadi kenyataan.

Kata beliau modal teroka agak susah hendak diurus kerana ia melibatkan banyak risiko serta projek dan gagasan yang dianggap terlalu berinovasi bagi orang memahaminya.

Modal teroka akan menggantikan pinjaman dari bank yang memerlukan cagaran, yang tidak dimiliki oleh orang yang mempunyai gagasan berinovasi.

Jika terdapat banyak permintaan bagi dana lagi, katanya beliau tidak nampak masalah untuk menambah saiz MV1.

"Ini adalah satu pelaburan, jika ia menunjukkan pulangan yang baik seperti di AS, dan kalau ada permintaan, kenapa tidak?" katanya.

MSCVC merancang untuk melabur dalam syarikat-syarikat tempatan atau antarabangsa yang mendapat taraf MSC serta syarikat-syarikat yang berpotensi mendapat taraf MSC.

Keutamaan akan diberikan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia dengan sekurang-kurangnya 51 peratus ekuiti Malaysia.

PKS asing yang beroperasi di negara ini mungkin dipertimbangkan jika mereka menunjukkan potensi pertumbuhan yang besar.

Setakat ini, MSCVC telah menerima kira-kira 36 pertanyaan dan permohonan bagi dana modal teroka daripada syarikat-syarikat bertaraf MSC dan syarikat-syarikat pra-MSC.

Matlamat MSCVC ialah untuk membantu seberapa banyak syarikat portfolionya bagi penyenaraian di MESDAQ dan sebahagiannya menyertai Nasdaq.--BERNAMA

AD KY OS